


FAKTA-FAKTA ASAS DISEBALIK ISU PALESTIN

OLEH:

PROF. MADYA DR. MOHSEN M. SALEH
PENGAJIAN PALESTIN DAN
SEJARAH ARAB MODEN

PENTERJEMAH:

Dr. Hanafi Hj Dollah



FAKTA-FAKTA ASAS DISEBALIK ISU PALESTIN

Oleh:

Prof. Madya Dr. Mohsen Mohammad Saleh
Pengajian Palestin Dan
Sejarah Arab Moden

Penterjemah:
Dr. Hanafi Hj Dollah



**Hakcipta terpelihara
Edisi Pertama
Januari 2002
Kuala Lumpur**

Penerbit dan Penedar:

Fajar Ulung

No. 42G, Jalan 6/21 D,
Medan Idaman, Batu 5, Off Jalan Gombak,
53100 Kuala Lumpur,
Malaysia.

Tel: (603) 40219023

Fax: (603) 40219029

Email: faz3000@pd.jaring.my

Professional Eagle Trading Sdn. Bhd.

No. 28A, Jalan 4/21D,
Medan Idaman, Batu 5, Off Jalan Gombak,
53100 Kuala Lumpur,
Malaysia.

Tel: (603) 40229700

Telfax: (603) 40244700

Email: petra998@tm.net.my
petrad_55@yahoo.com

1. Palestin merupakan suatu nama yang digunakan untuk wilayah barat-daya negara Syam. Ia bersempadan dengan laut Mediteranian dan terletak di barat benua Asia. Palestin dianggap titik pertemuan Asia dan Afrika dan berdekatan dengan benua Eropah. Bahagian utara Palestin bersempadan dengan Lubnan, manakala Syria di timur laut, Jordan di timur dan Mesir di selatan. Ia berada di kawasan yang beriklim mediteranian dan keluasan Palestin di waktu kini dianggarkan seluas 27,009 km persegi.
2. Bumi Palestin juga dianggap salah satu penempatan tertua di dunia. Malahan penemuan ahli-ahli arkeologi telah membuktikan bahawa tempat ini merupakan penempatan pertama yang mengalami perubahan daripada kehidupan nomad kepada kehidupan tetap dan bercucuk tanam sejak 9000 tahun sebelum Masihi. Bahkan bandar tertua di dunia, Jericho telah dibina di Palestin sejak 8000 tahun sebelum Masihi dan sehingga kini masih dianggap sebagai bandar yang di datangi dan dipenuhi dengan pelbagai tamadun manusia yang gemilang.
3. Bumi Palestin mempunyai kedudukan yang istimewa di dalam hati setiap orang Islam. Jika dirujuk kepada al-Quran, bumi ini dianggap suci

dan diberkati kerana terdapatnya Masjid al-Aqsa, sebuah masjid yang menjadi qiblat pertama untuk orang Islam dan merupakan masjid yang ke 3 paling suci bagi orang Islam. Di bumi ini jugalah kejadian Isra' (Perjalanan Malam) berlaku, di mana Nabi Muhammad melakukan pengembaraan malam yang penuh keajaiban ke langit. Bahkan ramai para anbiya' yang disebut di dalam al-Quran, telah dilahirkan, dibesarkan dan disemadikan di bumi ini. Semoga Allah memberkati mereka semua. Berdasarkan perspektif Islam, tempat ini merupakan padang Mahsyar selèpas Kiamat dan merupakan pusat keamanan sejagat. Orang yang tinggal di sana kerana Allah diibaratkan seperti orang yang berjihad di jalan Allah. Bumi Palestin dianggap sebagai pusat untuk kumpulan-kumpulan yang sentiasa teguh menegakkan kebenaran dan hak orang Islam sehingga ke hari kiamat.

4. Bumi Palestin juga merupakan bumi yang suci kepada bangsa Yahudi dan Nasrani. Yahudi menganggapnya sebagai bumi yang dijanjikan. Di situlah tempat berlakunya peristiwa-peristiwa bersejarah mereka dan tempat pengebumian nabi-nabi mereka. Kota suci mereka berpusat di bandar al-Quds dan al-Khalil (Hebron). Manakala, bangsa

Nasrani menganggapnya sebagai tempat bermulanya agama mereka. Di situlah Nabi Isa dilahirkan dan berdakwah. Markaz-markaz keagamaan mereka yang berada di Palestin seperti al-Quds (Jerusalem), Baitul-Laham dan Nazareth.

5. Bangsa berketurunan al-Kan'aniyyah merupakan bangsa terawal yang pernah menduduki bumi Palestin. Mereka datang daripada Semenanjung Tanah Arab sejak 4500 tahun tahun dahulu. Sejak itu, tempat ini dikenali sebagai Bumi Kan'an. Rakyat Palestin sekarang ini berasal dari keturunan Kan'an, iaitu bangsa dari masyarakat timur laut Mediteranian yang dikenali sebagai Filistin dan dari bangsa Arab yang berkahwin campur dengan Filistin. Walaupun Palestin sentiasa diperintah oleh pelbagai bangsa dan kumpulan dalam beberapa tempoh, namun rakyatnya yang asal terus duduk di situ dengan aman. Apabila Islam muncul, majoriti daripada orang Palestin ini telah memeluk agama tersebut, dan perlahan-lahan mengadaptasi bahasa Arab sebagai bahasa utama mereka, selaras dengan kepesatan perkembangan agama Islam di sana. Bahkan, identiti Islam di bumi Palestin tetap berdiri kukuh dan berpanjangan sepanjang sejarah Islam, bermula dengan penaklukan kuasa Islam pada tahun 15 hijrah (636 M) sehingga sekarang,

dan kebenaran fakta ini tetap tidak terjejas walaupun sebahagian besar penduduk Muslim Palestin telah dihalau oleh pihak Zionis semenjak 1948.

6. Dakwaan Yahudi bahawa Palestin adalah milik mereka berdasarkan fakta sejarah adalah palsu dan berlawanan dengan hak-hak Muslim Palestin. Bangsa Palestin dan keturunannya telah mendiami dan memakmurkan bumi ini sejak 1500 tahun dahulu, bahkan sebelum negara Yahudi wujud. Mereka menetap di situ apabila negara Yahudi didirikan dan terus menetap sehingga kini walaupun selepas hubungan Yahudi dengan bumi Palestin terputus. Bangsa Yahudi telah memerintah hanya beberapa bahagian dari bumi Palestin (bukan semuanya) dan untuk selama empat kurun sahaja iaitu dari tahun 1000 hingga 586 sebelum Masihi. Pemerintahan mereka telah hancur sebagaimana yang telah berlaku kepada kerajaan Assyiria, Kerajaan Firaun, Greek dan Roman, sedangkan penduduk asal Palestin terus kekal di situ. Manakala pemerintahan Islam pula merupakan kerajaan yang paling lama dalam sejarah Palestin iaitu selama 1200 tahun (636-1917 M) terus menerus kecuali satu gangguan dari pemerintahan Salib yang singkat selama 90 tahun.

Hakikatnya, hubungan antara bangsa Yahudi dengan Palestin telah terputus sejak 1800 tahun dahulu, iaitu sejak 135 M hingga Kurun ke 20. Pada ketika itu, mereka tidak mempunyai apa-apa kekuatan dari segi kepimpinan, politik atau tamadun di situ. Bahkan ajaran kitab agama mereka sendiri mengharamkan kepulangan mereka ke Palestin. Berdasarkan fakta penyelidikan dari ahli akademik Yahudi, seperti Arthur Koestler; lebih daripada 80% orang Yahudi hari ini tidak mempunyai kaitan sejarah sedikit pun dengan Palestin. Majoriti besar orang-orang Yahudi sekarang ini sebenarnya berasal dari keturunan al-Khazar (Ashkinaz), iaitu puak Tatar-Turki kuno, yang mendiami bahagian utara Kaukas yang telah memeluk agama Yahudi pada kurun ke-8 Masihi. Oleh itu, sekiranya Yahudi mempunyai hak untuk kembali maka mereka sepatutnya pulang ke Selatan Rusia dan bukannya ke Palestin. Malahan, dakwaan mereka bahawa Yahudi mempunyai hubungan khas dengan Palestin adalah tidak benar, kerana berdasarkan fakta sejarah, kebanyakan Bani Israel enggan menyertai kumpulan Nabi Musa a.s. berhijrah ke tanah suci Baitul-Maqdis. Tambahan lagi, mereka pernah menolak tawaran raja Farsi yang bernama Cyrus untuk kembali ke

bumi Palestin dari Babylon sebelum ini. Sepanjang sejarah Palestin sehingga kini, bilangan Yahudi di situ tidak pernah mencapai 40% daripada bilangan penduduk Yahudi di dunia.

7. Gerakan Zionisme yang berusaha membentuk kerajaan Yahudi di Palestin sebenarnya terhitung budi dengan kewujudan masalah Yahudi yang timbul di benua Kristian Eropah; di mana masyarakatnya sangat cenderung untuk menyokong kepulangan Yahudi ke bumi Palestin, khususnya kumpulan Protestan sejak kurun ke 16. Gerakan ini juga berjaya adanya perkembangan ideologi kebangsaan (nasionalisme) dan tuntutan kewujudan negara-negara berasaskan bangsa di Eropah, terutamanya pada kurun ke 19. Ia juga berkaitan dengan timbulnya masalah pengainayaan terhadap Yahudi oleh orang-orang Rusia khususnya dan orang Eropah timur amya. Kejayaan beberapa orang Yahudi meletakkan diri mereka sebagai individu yang berpengaruh di negara Eropah dan Amerika, dan kegagalan gerakan Yahudi "Haskala" dalam menyesuaikan diri mereka dengan masyarakat lain di mana mereka diami, turut mendorong kejayaan gerakan Zionis.

8. Sebenarnya, idea penubuhan entiti Yahudi yang berperanan sebagai 'negara benteng' di tengah dunia Islam, didokongi oleh penjajah barat khasnya Britain. Ia merupakan kemuncak bahaya pakatan barat dan Zionis terhadap Ummah Islam. Ia ditubuhkan dengan tujuan untuk memecahbelahkan negara-negara Islam di Asia dan di Afrika, seterusnya melemahkan mereka, terkepung dan terkawal sehingga mereka tidak mampu untuk bangkit mahupun bersatu. Ianya merupakan satu projek yang mampu menghalang kemunculan kuasa besar Islam yang baru bagi menggantikan kerajaan Uthmaniyyah yang telah berjaya dihancurkan sebelum itu. Strategi membangun dan mengekalkan kerajaan Yahudi di Palestin ada hubung kait dengan cubaan untuk memecahbelahkan dan melemahkan wilayah-wilayah Islam di sekitarnya. Oleh itu, strategi untuk kebangkitan dan kesatuan umat Islam pula bergantung kepada kejayaan dan usaha mereka untuk menghancurkan pakatan Yahudi-Zionis.
9. Pertubuhan Zionis Sedunia telah ditubuhkan di bandar Basle di Switzerland pada Ogos 1897 di bawah pimpinan Theodor Herzl. Beliau cuba menghubungkan pertubuhan ini dengan projek penjajahan barat, tetapi gagal mencapai apa-apa

kemajuan sehingga akhir perang dunia pertama. Gerakan Zionis ini bersifat perkauman yang diwarnai dengan latarbelakang keagamaan dan kebangsaan Yahudi. Kejayaan mereka bergantung kepada keupayaan mereka menghapuskan apa saja hak yang diperolehi oleh orang-orang Palestin di bumi mereka. Walaupun Yahudi mendokong pelbagai aliran seperti sekular, sosialis, keagamaan, kebudayaan atau politik, namun mereka semua bersepakat dalam kumpulan Zionis dan bersama-sama berusaha untuk mencapai matlamat-matlamat tertinggi pertubuhan Zionis.

10. Britain telah mengambilalih projek Zionis dengan mengeluarkan dikri perjanjian Balfour pada November 1917 untuk menubuhkan negara kebangsaan bangsa Yahudi di Palestin. Ini berlaku setelah mereka berjaya menakluki Palestin sepenuhnya pada Sept. 1918 dan setelah menipu pimpinan Arab yang diketuai oleh Syarif Husin dengan janji-janji kemerdekaan. Britain telah membahagi-bahagikan negara Syam dan Iraq untuk dirinya dan Perancis melalui perjanjian 'Sykes-Picot' pada Mei 1916, yang merancang untuk menjadikan Palestin sebagai wilayah antarabangsa. Apabila Britain menguasai Palestin sepenuhnya melalui perjanjian St. Remon pada

April 1920, mereka kemudiannya berjaya memasukkan deklarasi Balfour ke dalam kuasa mandatori yang mereka perolehi dari Liga Bangsa-bangsa pada Julai 1922.

11. Sepanjang tempoh penjajahan ke atas Palestin dari tahun 1918 hingga 1948, pihak Britain telah membuka pintu penghijrahan ke Palestin kepada Yahudi seluas-luasnya. Akibatnya, bilangan Yahudi menjadi lebih berganda dan terus meningkat daripada 55,000 pada tahun 1918 kepada 646,000 pada tahun 1948 iaitu daripada 8% penduduk kepada 31%. Britain juga menyokong pemilikan tanah Palestin oleh Yahudi dan penguasaan terhadap tanah-tanah tersebut meningkat daripada 1/2 juta donum (2% daripada bumi Palestin) (1 donum=1000 sqm) kepada 1,800,000 donum (6.7% daripada bumi Palestin). Kebanyakan tanah-tanah yang diambil itu diberikan oleh penjajah Britain atau bukan orang Palestin. Walaupun dalam kepayahan dan kesusahan, rakyat Palestin masih mampu bangkit dan mempertahankan tanahair mereka selama 30 tahun, masih menguasai 69% status penduduk majoriti dan memiliki 93% daripada bumi Palestin. Namun, pihak Yahudi yang dilindungi oleh penguasa Britain telah mampu membina institusi-

institusi ekonomi, politik, pendidikan, ketenteraan dan kemasyarakatan. Pada tahun 1948 mereka telah membina 292 perkampungan. Mereka juga berjaya merekrut 70,000 pejuang dari kumpulan Hagana, Irgun dan Stern dan telah bersedia untuk mengisytiharkan negara mereka.

12. Sesungguhnya orang Islam tidak menentang bangsa Yahudi atas dasar agama atau bangsa semata-mata. Melalui sorotan sejarah, jelas terbukti hubungan baik yang terjalin di antara orang Islam dengan Ahli Kitab dan Ahli Zimmah (orang yang dilindungi). Hubungan di antara mereka jelas terjalin atas prinsip-prinsip keadilan dan mereka menikmati kebebasan sepenuhnya dalam beragama dan sebagai rakyat di bawah pemerintahan Islam. Sebenarnya, apa yang dikatakan sebagai “masalah Yahudi” dan “gerakan anti-Semit” itu bermula dan bersemarak di di benua Eropah. Bangsa Islam yang tiada kaitan sedikit pun dengan masalah prejudis ini, sebaliknya telah memberi perlindungan kepada mereka dalam menghadapi ujian tersebut. Hari ini orang Islam bertekad memerangi pengganas Yahudi kerana mereka telah merampas bumi Palestin dan mengusir penduduk pribuminya dan mencemarkan tempat-tempat suci mereka. Justeru

itu, amatlah wajar bagi ummah Islam untuk bangkit memerangi bangsa pengganas tersebut dan mempertahankan hak dan kesucian agama mereka.

13. Rakyat Palestin membantah dan menolak penjajahan Britain dan rancangan Zionis. Mereka berusaha menuntut kemerdekaan walaupun konspirasi yang dirancang ke atas Palestin di luar tanggungan dan kemampuan mereka. Pelbagai gerakan kebangsaan dan islah telah bangkit, seperti yang diketuai oleh Hj. Amin al-Husaini yang telah mengadakan gerakan rakyat, aktiviti politik dan revolusi besar-besaran. Contohnya, revolusi al-Quds yang berlaku pada 1920, revolusi Yafa pada 1921, revolusi al-Buraq 1929 dan Oktober 1933. Manakala gerakan jihad yang meletus ialah seperti kumpulan Jihadiyyah diketuai oleh al-Qassam, kumpulan 'Tangan Hijau' dan gerakan 'Jihad Suci'. Setelah "Revolusi Agung" meledak pada 1936 hingga 1939, Britain terpaksa memperakui dalam kertas putihnya pada Mei 1939 untuk mendirikan negara Palestin, menghentikan penjualan tanah kepada Yahudi dalam masa 10 tahun dan menghentikan migrasi Yahudi selepas 5 tahun. Namun, pada akhir tahun 1945, Britain telah mungkir janji dan menyokong semula projek Zionis, tetapi di bawah perlindungan Amerika.

14. Tanggal 29 November 1947, Perhimpunan Umum Bangsa-Bangsa Bersatu mengeluarkan ketetapan 181 yang membahagikan Palestin kepada dua negara, Arab dan Yahudi dengan nisbah 54% kepada negara Yahudi dan 45% kepada negara Arab sementara baki 1% diisytiharkan sebagai kawasan antarabangsa iaitu wilayah al-Quds. Jika dilihat dari sudut piagam Bangsa-Bangsa Bersatu sendiri, ketetapan itu sendiri bercanggah dengan asas pembentukan Bangsa-Bangsa Bersatu yang memberikan hak kebebasan dan menentukan masa depan kepada rakyat yang terbabit. Namun, rakyat Palestin yang terbabit secara langsung tidak pernah dirujuk atau diberi peluang membuat pungutan suara. Malahan pula, tindakan memberikan sebahagian besar dan bahagian yang terbaik dari bumi Palestin kepada kumpulan minoriti pendatang Yahudi merupakan satu kezaliman yang keji.
15. Pihak Zionis antarabangsa mengisytiharkan negara Israel pada malam 14 Mei 1948 selepas mereka menewaskan tentera-tentera Arab, yang pada masa yang sama sedang menghadapi masalah-masalah kepimpinan yang buruk, kelemahan koordinasi dan kecetekan pengalaman sehingga menyebabkan mereka ditawan musuh dengan mudah. Ini

menyebabkan pihak Zionis menguasai 77% bumi Palestin, lalu menghalau 800,000 dari 920,000 rakyat Palestin dari bumi yang mereka duduki. Mereka turut menghancurkan 531 dari 585 perkampungan Palestin, di samping melakukan 34 jenayah pembunuhan di wilayah jajahan. Adapun wilayah-wilayah Palestin yang masih berbaki adalah bahagian wilayah Tebing Barat yang berkeluasan 5878km persegi secara rasminya dimasukkan ke dalam wilayah Jordan. Manakala kerajaan Mesir pula meletakkan wilayah Gaza yang mempunyai keluasan 363km persegi di bawah pemerintahannya. Pihak Bangsa-Bangsa Bersatu pula, bersetuju untuk menerima negara Israel sebagai ahli anggota Bangsa-Bangsa Bersatu dengan syarat pihak Israel mestilah membenarkan pelarian Palestin untuk kembali ke tanahair mereka. Ini merupakan suatu perkara yang tidak pernah dilaksanakan sama sekali oleh rejim Zionis.

16. Sepanjang tahun 1948 hingga 1967, slogan-slogan peperangan berbentuk patriotik yang menyeru kepada penyatuan bangsa Arab untuk kebebasan telah meletus dan menjadi sungguh popular di benua Islam. Jamal Abdul Nasir telah mengambil inisiatif untuk mengetuai dunia Arab dalam membebaskan Palestin, sehingga peranan

pemimpin Palestin itu sendiri dikedilkan untuk memberi ruang kepada Abdul Nasir menyelesaikan masalah bangsa Arab. Malangnya, regim Arab sendiri tidak mempunyai pendekatan dan metodologi yang betul, tidak serius, tiada kesungguhan atau semangat yang jitu untuk berperang. Malah mereka menggunakan teknik peperangan Palestin yang berbentuk strategi jangka pendek dan berasingan; dan tidak berbentuk komprehensif. Mereka hanya sibuk membakar semangat rakyat semata-mata tanpa melakukan persediaan untuk rakyat atau menyediakan mereka dengan latihan peperangan yang sebenar.

17. Pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO) telah ditubuhkan pada tahun 1964. Ia diketuai oleh Ahmad Shuqairi dan terus didokongi secara langsung oleh Jamal Abdul Nasir yang bimbang akan kehilangan kawalan dengan cabaran dari pelbagai pertubuhan dan organisasi Palestin yang semakin bertambah banyak, terutamanya dari kumpulan "Fatah" yang telah ditubuhkan sebelumnya pada 1957. PLO berhasrat untuk membebaskan bumi Palestin yang terjajah sejak tahun 1948 dan menegaskan dalam piagamnya untuk memilih perjuangan bersenjata sebagai satu-

satunya jalan pembebasan. Kebanyakan rakyat Palestin mengalu-alukan gerakan ini kerana ia merealisasikan semangat kebangsaan Palestin dan mengukuhkan identitinya yang sudah hilang. Pada tahun 1967, banyak pertubuhan komando bersenjata Palestin diketuai Fatah bergabung dengan PLO yang dipimpin oleh Yasser Arafat sejak Februari 1969. Pada tahun 1974, Regim Arab telah mengakui PLO sebagai satu-satunya wakil rasmi rakyat Palestin. Pada masa yang sama, pertubuhan ini juga turut mewakili rakyat Palestin di PBB sebagai anggota Pemerhati.

18. Kekalahan dalam peperangan bulan Julai 1967 merupakan satu pengalaman yang amat memeritkan dan memilukan yang pernah dialami oleh regim benua Arab, dan menyebabkan dalam beberapa hari sahaja saki-baki tanah Palestin telah terlepas ke tangan Yahudi. Tebing Barat yang turut mengandungi timur al-Quds dan wilayah Gaza telah dirampas, manakala 330,000 rakyat Palestin telah dihalau. Turut dirampas oleh rejim Yahudi ialah wilayah Golan di Syria (1150km persegi) dan wilayah Sinai di Mesir (61,198km persegi).
19. Pihak rejim Yahudi, berusaha terus menerus untuk mengyahudikan bumi Palestin, cuba untuk

melupakan identiti Arab-Islam dan segala bentuk tamadun mereka. Ini menyebabkan pertambahan rampasan tanah Palestin kepada 96% daripada jumlah yang telah ditakluki pada tahun 1948, termasuklah hartanah dan aset rakyat Palestin yang sudah dihalau, tanah-tanah wakaf Islam dan tanah yang dimiliki oleh orang-orang Arab yang masih tinggal di sana. Pihak Zionis telah membina 756 bandar beserta kampung-kampung pendatang Yahudi di bumi yang ditakluki pada 1948. Manakala selepas peperangan 1967, mereka telah merampas lebih dari 60% keluasan tebing barat untuk penempatan tambahan sebanyak 192 buah. Mereka turut merampas 30% keluasan wilayah Gaza untuk 16 penempatan Yahudi lagi. Pada waktu yang sama, mereka menghalang rakyat Palestin daripada pulang ke tanahair, malah pintu imigrasi untuk Yahudi telah dibuka dengan seluas-luasnya. Akibatnya, lebih daripada 2,800,000 (dua juta lapan ratus ribu) pendatang Yahudi telah memasuki bumi Palestin sepanjang tempoh 1949-2000. Ini meningkatkan jumlah keseluruhan orang Yahudi kepada 5 juta orang.

20. Kini, pihak Zionis sedang menumpukan perhatian untuk menghancurkan kota al-Quds. Apabila mereka telah berjaya menguasai 86% daripada

bumi Palestin, bandar al-Quds telah dibanjiri dengan pendatang Yahudi berjumlah 450,000 orang, lebih banyak jika dibandingkan dengan 200,000 rakyat Palestin yang masih tinggal di sana (bancian tahun 2000). Mereka bukan sahaja membuat benteng manusia yang memisahkan Masjid al-Aqsa dari penempatan Arab-Islam yang turut didiami oleh 200,000 Yahudi yang tinggal di sana, bahkan mereka turut mengisytiharkan al-Quds sebagai “Ibu Kota Abadi” bagi rejim Zionis. Pihak Zionis merasakan penguasaan ke atas Masjid al-Aqsa adalah satu keperluan dan berkepentingan lalu merampas tembok barat Masjid al-Aqsa (dinding al-Buraq), memusnahkan perkampungan al-Magharibah yang berdekatan dan merampas tanah-tanahnya. Sehingga kini mereka telah berjaya menggali lubang di bawah Masjid al-Aqsa pada peringkat yang kesepuluh dan telah siap menggali empat terowong yang boleh meruntuhkan masjid itu pada bila-bila masa sahaja. Terdapat 25 pertubuhan penganas Yahudi yang bersaing antara satu sama lain untuk menghancurkan al-Aqsa untuk digantikan dengan Kuil Yahudi. Sepanjang 1967-1998, mereka telah melakukan 112 serangan ke atas Masjid al-Aqsa (72 darinya dilakukan selepas perjanjian Oslo

1993) dan serangan yang paling mengejutkan ialah tindakan mereka membakar sebahagian bangunan masjid tersebut pada 21 Ogos 1969.

21. Pelarian Palestin masih mempertahankan hak untuk kembali ke tanahair mereka dan menentang sebarang rancangan yang cuba menempatkan mereka di luar bumi kelahiran dan warisan mereka. Setakat ini jumlah rancangan tersebut telah sampai kepada 243 projek. Walaupun PBB telah mengeluarkan lebih dari 110 kali Ketetapan No. 194 dan yang lainnya berkenaan hak pelarian Palestin untuk pulang ke tanahair, namun tiada satu pun yang dilaksanakan. Ini kerana, pihak rejim Yahudi tetap berdegil menentang rancangan tersebut, dan juga disebabkan tiada kesungguhan daripada pihak kuasa-kuasa besar mahu pun masyarakat antarabangsa dalam memaksa Yahudi untuk melaksanakannya. Mengikut bancian tahun 2000, bilangan pelarian Palestin yang dihalau pada 1948 dan generasi mereka yang seterusnya telah meningkat kepada lebih 6 juta orang. Terdapat satu juta lagi rakyat Palestin yang berasal dari Tebing Barat dan Wilayah Gaza (yang diduduki pada 1967) yang dihalang daripada kembali ke tanahair. Ini bermakna, jumlah keseluruhan pelarian Palestin ialah 7 juta orang. Kini, isu pelarian

Palestin merupakan tragedi kemanusiaan kurun ke-20 yang paling lama dan yang paling tragis.

22. Sejak tahun 1949 sehingga awal 70an, pihak PBB melihat masalah Palestin sebagai isu pelarian. Namun, selepas tahun 1974, PBB mula mengeluarkan banyak ketetapan yang disokong majoriti besar perwakilan 'Perhimpunan Umum' PBB, iaitu memberi hak kepada rakyat Palestin untuk menentukan masa depan mereka sendiri, mengiktiraf perjuangan rakyat Palestin (termasuk perjuangan bersenjata) untuk mengembalikan hak-hak mereka yang dirampas, dan hak-hak pelarian untuk kembali ke tanahair mereka. Namun, Amerika Syarikat dan sekutu-sekutunya sentiasa bersedia membela tindakan pihak Yahudi yang enggan menerima dan bersikap tidak peduli dengan ketetapan-ketetapan ini. Malah, mereka menggunakan kuasa veto mereka di Majlis Keselamatan PBB untuk menghalang apa jua pelaksanaan ketetapan yang telah dipersetujui. Sebaliknya, mereka memperalatkan kelulusan undang-undang PBB yang membenarkan pembentukan negara Yahudi di bumi Palestin untuk melanjutkan kependudukan mereka di sana, lantas menonjolkan bentuk-bentuk penindasan dan kezaliman.

23. Bolehlah dikatakan sepanjang tahun (1967-1970), merupakan era keemasan penentangan dan operasi komando Palestin. Namun, selepas tahun 1971, mereka ditegah dari menggunakan bumi Jordan sebagai pusat operasi perjuangan Palestin. Apabila pusat operasi dipindahkan ke Lubnan selepas itu, ianya mejadi begitu lemah disebabkan beberapa cubaan Yahudi menghapuskan pusat tersebut dan juga akibat dari perang saudara di Lubnan pada 1975 hingga 1990. Turut memburukkan keadaan ialah tindakan agresif yang berterusan oleh pihak Yahudi ke atas Lubnan hingga meyebabkan penaklukan selatan Lubnan pada tahun 1978, seterusnya membentuk zon keselamatan Yahudi di sana. Tindakan Israel menawan Lubnan pada 1982 yang bertujuan untuk menghancurkan perjuangan Palestin hingga ke akar umbi, telah memaksa PLO berundur dari Lubnan. Ini bermakna regim Yahudi telah berjaya menutup sekaligus kesemua sempadan-sempadan negara Arab dan Israel dari dimanfaatkan oleh perjuangan rakyat Palestin.
24. Secara umumnya, perjuangan rakyat Palestin juga menderita ditangan bangsa Arab sendiri, kerana sokongan mereka yang sebelum ini walaupun hanya untuk memperalatkan, mengawal, menjadi jurucakap atau mengepalai perjuangan Palestin,

telah merosot dan bertambah lemah. Israel menjadi bertambah kuat ekoran dari kemenangan mereka dalam perang Oktober 1973 ke atas Mesir dan Syria. Pengiktirafan ke atas PLO sebagai wakil rasmi Palestin pada tahun 1974, telah menyebabkan perasaan tanggungjawab Arab terhadap isu Palestin semakin luntur. Ia bermula dengan tindakan Mesir menandatangani perjanjian Camp David menjelang September 1978, seterusnya menyebabkan kuasa terkuat Arab ini terkeluar terus dari arus pertelagahan Palestin-Israel. Faktor-faktor lain ialah, kesan perang Iran-Iraq (1980-1988) dan kejatuhan harga minyak menyebabkan kemerosotan sokongan kewangan negara Teluk terhadap perjuangan Palestin. Faktor seterusnya ialah serangan Iraq terhadap Kuwait pada 1990 dan perpecahan-perpecahan dikalangan bangsa Arab akibat perang Teluk telah mengurangkan dan memerosotkan sokongan terhadap Palestin. Tambahan lagi, kejatuhan Soviet Union dan Blok Timur semuanya telah melemahkan perjuangan Palestin dan mengagalkan usaha pemimpin PLO dalam mencapai perjanjian damai. Kesemua faktor ini telah memaksa pemimpinnya menghadkan aktiviti-aktiviti mereka dalam ruang yang dibenarkan mengikut perkiraan

dan percaturan politik, terutamanya apabila pimpinan PLO sendiri sudah bersedia mengorbankan perkara-perkara asas perjuangan, asalkan mereka boleh terus memimpin dan mewakili rakyat Palestin.

25. Ketika PLO semakin lemah, aliran yang menyokong pendekatan damai dalam PLO semakin kuat, sehingga mereka membuat keputusan pada November 1988, untuk mengiktiraf ketetapan 181 PBB yang mencadangkan pembahagian Palestin di antara Arab dan Yahudi. Mereka turut mengiktiraf ketetapan 242 PBB yang dikeluarkan pada 1967, dimana isu Palestin dianggap sebagai isu pelarian yang harus diselesaikan melalui jalan damai. Pada Oktober 1991, PLO serta sekutu-sekutu Arab telah menghadiri persidangan damai Madrid dengan Israel secara langsung. Rombongan-rombongan rasmi persidangan masih belum memperolehi apa-apa persetujuan dengan rejim Zionis walaupun dua tahun telah berlalu. Jalan keluar hanya diperolehi melalui rundingan-rundingan rahsia yang mula diadakan pada Disember 1992. Ini membuka jalan kepada perjanjian Oslo atau perjanjian 'Gaza-Jericho', tetapi ia tidak disempurnakan di Bandar Oslo, Norway, sebaliknya ditandatangani secara

rasmi oleh PLO dan pihak Zionist pada tanggal 13 Disember 1993 di Washington.

26. Melalui perjanjian Gaza-Jericho (Oslo) pihak PLO mengiktiraf hak kewujudan Israel sebagai satu entiti yang sah, mengesahkan penjajahan dan pemilikan Israel sebanyak 77% dari bumi Palestin dan berjanji menghentikan penentangan bersenjata dan Intifadha terhadap Israel. PLO juga berjanji akan menghapuskan apa jua ketetapan di dalam piagam kebangsaan mereka yang bersangkutan paut dengan sebutan yang berhasrat membebaskan seluruh Palestin dan menghancurkan rejim Zionis. Malah, mereka juga akur untuk menyelesaikan sebarang masalah melalui jalan damai. Sebagai balasan, kerajaan pimpinan PLO mendapat pengiktirafan daripada Israel sebagai wakil rakyat Palestin yang sah. Mereka juga memperoleh pemerintahan autonomi terhad di wilayah-wilayah Gaza dan beberapa bahagian Tebing Barat, sehinggalah isu konflik utama yang lain diselesaikan dalam masa 5 tahun akan datang.
27. Perjanjian Oslo mendapat kritik yang kuat daripada rakyat Palestin, bangsa Arab dan Muslim, sebagaimana yang tertera berikutnya. Antara

pemerhatian-pemerhatian penting terhadap perjanjian Gaza-Jericho (Oslo) ialah:

- A. Isu Palestin merupakan isu Ummah. Tidak ada sesiapa pun yang boleh mengabaikannya. Justeru, majoriti Ulama'-ulama' terkemuka telah mengeluarkan fatwa yang menolak perjanjian Oslo dan menyeru kepada jihad sehingga bumi Palestin dibebaskan sepenuhnya.
- B. Peminpin PLO telah memeterai perjanjian dengan pihak Yahudi tanpa mendapatkan persetujuan dari rakyat Palestin, samada golongan aliran Islam, kiri, nasionalis sehinggakan terdapat beberapa pimpinan Fatah sendiri yang menolak perjanjian Oslo tersebut.
- C. Perjanjian ini menanggungkan isu-isu utama tanpa memberi apa-apa janji berkenaan masalah mereka yang utama iaitu:
 - Masa depan Al-Quds yang telah diisytiharkan sebagai kota abadi Yahudi.
 - Masa depan 6.3 juta pelarian Palestin (4.7 di luar Palestin dan 1.6 di dalam Palestin).

- Masa depan 192 penempatan Yahudi di Tebing Barat termasuk 16 di Semenanjung Gaza.
- D. Isu keselamatan luar dan sempadan tidak di dalam bidang kuasa Penguasa Palestin, manakala kemasukan senjata ke kawasan “pemerintahan autonomi” mereka disyaratkan agar mendapat kebenaran pemerintah Yahudi terlebih dahulu. Penguasa Palestin juga tidak dibenarkan merekrut tentera.
- E. Pimpinan Zionis berhak menggunakan kuasa vetonya untuk tidak bersetuju dengan mana-mana undang-undang atau peraturan yang digubal oleh Penguasa Palestin.
- F. Perjanjian tersebut tidak memberi penekanan kepada hak rakyat Palestin dalam menentukan nasib mereka dan penubuhan negara Palestin yang merdeka. Perjanjian ini juga tidak merujuk kepada Tebing Barat dan Semenanjung Gaza sebagai tanah yang dijajah tetapi sebagai tanah yang didebatkan.
- G. Dalam perjanjian tersebut, PLO bersetuju untuk menghentikan perjuangan bersenjata terhadap Zionis. Justeru itu, PLO terpaksa

menghapuskan segala bentuk penentangan oleh rakyat Palestin. Demi memelihara perjanjiannya dengan pihak Zionis, Penguasa Palestin telah menjalankan kempen yang tidak munasabah seperti memenjarakan penentang-penentang usaha damai dengan Israel. Polisi ini berterusan sehingga kepada tercetusnya Intifadha Al-Aqsa pada 28 September 2000.

28. Kemunculan Intifadha pada 1987-1994 telah mengembalikan semula gerakan pembebasan agar berakar umbi di bumi Palestin. Aliran Islam mula menonjol kembali sebagai kuasa penting dalam perjuangan pembebasan, khususnya melalui HAMAS. Malahan, Intifadha mampu membangkitkan semula perhatian dan ihsan dunia Arab dan Islam dan pihak antarabangsa terhadap isu Palestin. Namun gerakan ini tidak membawa kepada pembebasan Palestin apabila pemimpin PLO dan Arab lebih mengutamakan penyelesaian melalui perjanjian damai dengan Zionis. Ini berlaku kerana cara berfikir pemimpin Palestin dan Arab yang hanya ingin mengeksploitasi situasi begini untuk kepentingan politik mereka agar diangkat sebagai pemimpin di penempatan Palestin yang bakal ditubuhkan.kelak.

29. Selepas 8 tahun perjanjian ditandatangani dengan Kerajaan Israel telah bertukar ganti dari pemerintahan Parti Likud ke Parti Buruh, rakyat Palestin hanya berjaya mendapatkan 17% dari wilayah Tebing Barat (lebih kurang 1000 km persegi) (hanya menguasai 25% hak pentadbiran di Tebing Barat manakala isu keselamatan dikongsi bersama Yahudi) dan mempertahankan 60% dari Semenanjung Gaza (lebih kurang 218 km persegi). Kesemuanya hanya lebih kurang 4.5% dari keseluruhan bumi Palestin yang berjaya mereka perolehi.
30. Selepas 5 tahun melalui era peralihan, kedua-dua pihak bertemu untuk perjanjian Camp David pada Julai 2000 tetapi masih gagal mencapai penyelesaian. Perjanjian ini sekali lagi menyaksikan keterlibatan Amerika dan tekanan mereka ke atas rakyat Palestin agar berkompromi di dalam isu Al-Quds dan hak pelarian Palestin sebagai ganti dengan penubuhan negara Palestin yang diiktiraf oleh Israel dan komuniti antarabangsa.
31. Pada 28 September 2000, meletusnya Intifadha Al-Aqsa. Faktor utama yang mendorong kepada tercetusnya Intifadha ini adalah disebabkan

kedatangan Ariel Sharon yang dianggap sebagai penjenayah perang ke Masjid Al-Aqsa di bawah kawalan lebih daripada 1,000 askar lengkap bersenjata.


32. Sehingga 28 September 2001, lebih dari 700 syuhada' yang telah gugur dalam Intifadha ini, lebih 35,000 cedera dan peratus mereka yang disahkan lumpuh adalah tinggi. Pihak Zionis telah menggunakan pelbagai jenis senjata termasuk senjata yang diharamkan di peringkat antarabangsa untuk menumpaskan Intifadha ini tetapi tetap gagal. Intifadha Al-Aqsa ini benar-benar membuktikan kecekalan dan kekuatan semangat dan azam rakyat Palestin dalam perjuangan mereka. Ia juga telah mengembalikan sokongan yang tidak berbelah-bahagi dari dunia Islam terhadap perjuangan mereka. Ia juga secara langsung telah mendedahkan sikap buas dan zalim golongan Zionis yang sebenar-benarnya.
33. Isu Palestin sebenarnya merupakan isu kemanusiaan yang amat mendalam. Ia menggambarkan laungan mereka yang dianiaya di hadapan pendokong hak-hak kemanusiaan, bahkan mendedahkan sikap kontradik dan keburukan Orde Baru Dunia. Isu Palestin turut mendedahkan sikap

munafik tamadun Barat sentiasa yang bermegah dengan kemajuan mereka di dalam sains dan teknologi dan selalu berjuang membela hak-hak binatang, tetapi sanggup membiarkan 6 juta pelarian Palestin terlantar di padang pasir dan membiarkan pendatang Yahudi memasuki Palestin dengan dakwaan lapuk, iaitu mendakwa bahawa bumi ini adalah milik mereka sejak 4500 tahun lalu. Ini merupakan satu dakwaan yang bertentangan dengan sejarah, tamadun moden, nilai-nilai moden dan tamadun dunia. Tamadun barat juga menerima perlakuan Yahudi yang membunuh rakyat Palestin di bumi suci ini, tempat yang sepatutnya dijaga sebagai bumi kedamaian dan kebahagiaan. Sebenarnya gerakan Zionis dan penjajahan mereka terhadap Palestin patut dilihat sebagai saki baki penjajahan Eropah yang sudah lama tersingkir. Penjajahan seperti ini mestilah dilenyapkan dari bumi Palestin sama ada sekarang atau esok.

34. Kewujudan Israel di tengah-tengah negara Islam sebenarnya adalah satu amaran kepada kedamaian dunia, bahkan bakal menjadi satu ancaman ke arah perang dunia ketiga. Mereka mempunyai sistem senjata nuklear mereka sendiri termasuklah memiliki 200 peluru nuklear, di samping mampu

menghimpunkan tentera sehingga 700 ribu bala tentera dalam masa 72 jam. Orang Islam sudah pasti memiliki senjata berbahaya dan kekuatan seperti ini pada suatu hari nanti, kerana mereka tidak pernah dan tidak akan berputus asa dengan bumi kelahiran mereka sendiri. Bahkan, mereka akan berusaha menghancurkan dan menghalau entiti haram Israel yang sentiasa cuba memecahbelahkan umat Islam, sebagaimana mereka telah menghalau penjajah-penjajah lain sebelum ini. Kuasa-kuasa besar akan mendapat pengajaran di atas tindakan mereka mencipta entiti Israel ini, kerana Israel hanya akan membawa kehancuran kepada tamadun manusia. Oleh itu, adalah lebih baik jika entiti Yahudi ini dilemahkan dan dipecahkan sebelum detik dan saat pertentangan antara Islam-Yahudi yang lebih menggerunkan mungkin berlaku.

Wilayah Palestin Yang Diduduki Yahudi



Sejak 1948



Sejak 1967
(Tebing Barat &
Semenanjung Gaza)

Palestina

ISBN 983-9470-42-6



9 789839 470420

FAKTA-FAKTA ASAS

DISEBALIK ISU